

PRIME'S CALAMINE LOTION

Calamine/Zinc oxide (15% w/w/5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Calamine lotion
2. Bagaimana Calamine lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Calamine lotion
4. Cara menggunakan Calamine lotion
5. Semasa menggunakan Calamine lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Calamine lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Calamine lotion

Ia digunakan untuk melegakan dermatitis (inflamasi kulit) dan ruam panas, rasa gatal, terjemur dan iritasi kulit yang lain.

Bagaimana Calamine lotion berfungsi

Calamine lotion mempunyai kesan astringen pada kulit. Kesan pengurangan sakit dan sejuk menolong mengurangkan kesakitan dan bengkak akibat terjemur, kegatalan dan menenangkan serta melindungi kulit dalam eczema dan dermatitis.

Sebelum menggunakan Calamine lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika ada alahan terhadap bahan aktif atau ramuan-ramuan lain produk.

- Sebelum mula menggunakan

Elakkan penggunaan pada membran mukus (lapisan kulit pada rongga badan atau organ dalaman).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja, biasanya kurang mempengaruhi kesan ubat-ubat lain.

Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jikalau mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Calamine lotion

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kulit bila perlu dan biar kering.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Calamine lotion

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan perlu dihentikan jika iritasi dan alahan serius berlaku.

Kesan-kesan sampingan

Tindakbalas hipersensitiviti mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan Calamine lotion

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Losyen warna merah muda dengan wangian ros.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: calamine dan zinc oxide
- Bahan tidak aktif: menthol, sodium citrate, bentonite, liquefied phenol, glycerol, pewangi ros, xanthan gum dan water.

- Nombor MAL:

MAL19912081XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/02/2023

Nombor siri

NPRA(R2/2)230207/1009